

Strategi Diplomasi secara Lembut dalam Penyebaran Bahasa Melayu pada Zaman Kesultanan Melayu Islam

Soft Power Diplomacy Strategy for the Spread of the Malay Language in the Indo-Malay Islamic Sultanates Era

HAFIDZ FADLI

ABSTRAK

Penelitian ini membahas strategi diplomasi masyarakat Nusantara dalam menyebarkan bahasa Melayu di Nusantara. Penulis meyakini adanya strategi khas dalam penyebaran penggunaan bahasa Melayu dan pengislaman. Tujuan daripada penelitian ini menghujahkan bahawa beberapa strategi yang dilakukan ialah termasuk dalam strategi diplomasi secara lembut untuk menyebarkan bahasa Melayu, yang juga dikaitkan dengan penyebaran Islam. Dalam penelitian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan tinjauan literatur. Bangkitnya era kesultanan-kesultanan Islam, salah satunya Kesultanan Aceh tahun 1496–1903 M, menjadi penyokong besar dalam penyebaran bahasa Melayu di Nusantara. Syed M. Naquib Al Attas dalam pidato pengukuhan professor pada 1972 menyampaikan bahawa bahasa Melayu menjadi lingua franca kerana adanya pengislaman yang terjadi di Nusantara. Masuknya Islam dengan Al Quran dan Hadis yang berbahasa Arab telah mengenalkan aksara Arab kepada masyarakat Nusantara. Namun, para cendekiawan justeru tetap menggunakan bahasa Melayu dalam menyebarkan Islam. Mereka merumuskan dan mengenalkan aksara Jawi pada masyarakat. Penggunaan aksara jawi memberi dua manfaat: mengajarkan masyarakat untuk dapat membaca huruf Arab dan mempertahankan serta terus mengenalkan bahasa Melayu. Di sisi lain, karya-karya ulama Islam masa Kesultanan Aceh seperti Hamzah Fansuri yang ditulis dalam bahasa Melayu, juga merupakan agen penyebaran ajaran Islam dan juga bahasa Melayu. Selain itu, bahasa Melayu juga digunakan dalam bidang kerjaya pentadbiran. Hujah-hujah ini menjadi bukti penting bahawa mereka merupakan bahagian daripada diplomasi lembut penyebaran bahasa Melayu di Nusantara. Penelitian ini memberi manfaat bagi para pengkaji bahasa Melayu daripada segi kronologi sejarahnya serta bagaimana bahasa Melayu tersebar luas di Nusantara setali dengan penyebaran Islam.

Kata kunci: Strategi; soft power; penyebaran; bahasa Melayu; pengislaman

ABSTRACT

This research discusses the diplomacy strategy for spreading the Malay language in the archipelago. The writer believes there are specific strategies for spreading the use of the Malay language, which is also related to Islamisation. This research aims to formulate that some activities are considered strategies of soft power diplomacy in spreading the Malay Language and Islamisation. Writer used the qualitative method with the literature review approach. It is known that the establishment of Islamic sultanates in the Archipelago, the Sultanate of Aceh in 1496-1903, for instance, became the essential supporters in spreading the language. Syed M. Naquib Al Attas, in his professor's inauguration speech in 1972, stated that Malay became the lingua franca due to the Islamisation in the archipelago. When Islam came to the archipelago, it brought Al Quran and the Hadith in which the Arabic language and its letters had to be learned. They have not taught the Arabic language to the people. Instead, the Islamic scholars formulated and introduced the Jawi letters. This gave two benefits: the people started to learn the Arabic letters, and at the same time, they retained the Malay. On the other hand, some literary works by Islamic scholars in the era of the Sultanate of Aceh, such as Hamzah Fansuri's works, became the diplomacy agent in spreading the Malay language and Islam. Moreover, the use of the Malay language in administrative works also supported the use of the language in the archipelago. These arguments are essential evidence to state that those are diplomacy strategies for spreading the Malay language. This research significantly benefits scholars, particularly those who study the Malay language, from its chronological history and the processes of spreading the language and Islam.

Keywords: Strategy; Soft Power; spreading; Malay Language; Islamisation

PENDAHULUAN

Hingga saat ini, belum ada sebarang cendekiawan yang telah menentukan masa pasti bahasa Melayu menjadi *lingua franca*. Meskipun demikian, prasasti-prasasti peninggalan Kerajaan Sriwijaya menjadi bukti jelas bahawa bahasa Melayu telah digunakan sejak abad ke-8. Merujuk pada Teeuw (1967), penggunaan ini hanya terbatas pada masyarakat di kerajaan Sriwijaya sahaja tetapi tidak pada masyarakat di pulau Jawa. Syed M. Naquib Al Attas (1972) dalam pidato pengukuhan profesornya menyebutkan bahawa tersebarnya bahasa Melayu jelas berkaitan erat dengan pengislaman di Nusantara. Adapun bahasa Kawi sebagai bahasa komunikasi sehari-hari dalam kalangan masyarakat khususnya pada masa kerajaan Hindu Buddha di pulau Jawa dan juga penggunaan bahasa Sanskrit dalam karya sastra di wilayah Nusantara, perlahan berubah menjadi bahasa Melayu sama ada dalam penulisan mahu pun sehari-hari meskipun di pulau Jawa cenderung berkembang penggunaan bahasa Jawa Kuno.

Selain itu, migrasi masyarakat juga berperan penting dalam hal ini (Andaya 2019: p3-4). Sebagaimana dalam kajian sosiolinguistik, bahawa migrasi membawa pengaruh besar dalam penyebaran bahasa, dialek, juga penyebab adanya multibahasa dalam masyarakat. Namun kini persoalan utamanya ialah adakah strategi khas selain daripada migrasi masyarakat?

Jika migrasi menjadi faktor penting dalam penyebaran bahasa, maka penulis meyakini bahawa ia dapat dipertimbangkan sebagai faktor secara tidak sengaja. Berdasarkan pernyataan Al Attas (1972) bahawa pengislaman juga menjadi faktor dan kedua-duanya saling berkaitan, maka tentu pengislaman merupakan strategi khas yang disengaja dalam menyebarkan bahasa Melayu. Hal ini kerana pengislaman memiliki makna aktif iaitu mengislamkan orang lain. Maka persoalan lainnya ialah, seperti apakah strategi yang dimaksud? Dan apakah strategi itu hanya pengislaman sahaja?

Hal yang menarik ialah bahawa pengenalan dan pengajaran bahasa asing merupakan bahagian daripada apa yang disebut sebagai strategi diplomasi secara lembut, atau *soft power*. Kumar (2021) yang merujuk pada Joseph S. Nye (2008), menjelaskan bahawa perubahan dasar diplomasi yang dimaksud adalah perubahan dalam hal diplomasi publik yang memanfaatkan dasar *soft power*. Dia juga mengutip daripada Nye (2008), bahawa *soft power* merupakan kemampuan untuk

mempengaruhi pihak lain melalui tindakan atau dasar seperti program kebudayaan atau pun program pendidikan, dan program lainnya yang menunjukkan nilai penting yang ingin ditunjukkan kepada pihak lainnya sehingga nilai-nilainya berpengaruh pada pihak tersebut. Polisi ini, menurut Nye (2008), mengutamakan pendekatan secara halus dibandingkan dengan tindakan yang memaksa, misalnya dengan bayaran atau lebih buruk lagi, iaitu peperangan atau kekerasan.

Penulis mengambil contoh daripada pemerhatian sendiri terhadap beberapa kelas pengajaran bahasa. Indonesia membuat program Bahasa Indonesia untuk Penutur Asing (BIPA) dengan tujuan mengajarkan bahasa Indonesia ke bukan penuturnya. Selain belajar bahasa Indonesia, pelajar juga akan mengenal budaya yang sedia ada di Indonesia. Selain itu, pengalaman penulis sendiri ketika belajar bahasa Arab di Oman dan Arab Saudi menjadi bukti penting bagaimana pendidikan bahasa ini merupakan suatu strategi khas untuk memberi pengaruh. Sebab, pelajar juga mempelajari khazanah budaya Arab di dalam dan di luar kelas. Selepas program, banyak daripada kami merasakan peningkatan rasa takzim dan hormat kepada bahasa Arab dan budayanya.

Berdasarkan pengalaman tersebut, penulis pun meyakini bahawa para cendekiawan muslim di Nusantara menggunakan bahasa Melayu untuk menulis karyanya sebagai bentuk strategi daripada *soft power*. Hal ini, selain untuk menyebarkan ajaran agama Islam, bertujuan guna mempengaruhi masyarakat nusantara agar mengubah penggunaan bahasa seharian mereka menjadi bahasa Melayu. Proses pengislaman juga menjadi pemangkin dalam hal ini, sebab seiring bertambahnya pemeluk Islam, penggunaan bahasa Melayu juga semakin meluas oleh sebab karya para cendekiawan Islam berbahasa Melayu. Namun, masalah yang belum terjawab adalah persoalan bagaimana proses bahasa Melayu menjadi *lingua franca* serta bagaimana pengislaman berpengaruh kuat dalam hal tersebut. Maka, penelitian ini membahas sejarah penggunaan bahasa Melayu dan strategi diplomasi para cendekiawan dalam penggunaan bahasa tersebut. Dengan menggunakan sejarah, penulis bertujuan untuk memberi penyelesaian masalah yang telah dibincangkan.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan tinjauan literatur dalam mengkaji tajuk

ini. Merujuk pada Templier dan Paré (2015: 116), kaedah ini dimulai dengan tahap penentuan masalah dalam kajian, pencarian dan pengumpulan data, kemudian tahap penyelesaian data sekali dengan mengevaluasi kerelevanan data, proses syarah dan analisis data, dan diakhiri dengan penentuan kesimpulan.

Adapun dalam menghujahkan strategi diplomasi lembut, penulis menggunakan teori daripada Nye (2008) tentang *soft power* sebagai pendekatan kajian. Seiring dengan perkembangan keilmuan dalam hubungan antarabangsa, perubahan-perubahan dasar diplomasi dapat dirasakan langsung oleh masyarakat dunia saat ini. Berdasarkan Kumar (2021: 35) dalam artikelnya, setidaknya dalam lima dekad ini negara-negara di dunia perlahan mengubah dasar mereka dalam diplomasinya dengan negara lain. Sebagaimana yang kita ketahui, dengan merujuk pada Kamus Besar Bahasa Indonesia, diplomasi bererti urusan kepentingan sebuah negara kepada negara lain. Urusan inilah yang secara singkat dapat kita kaitkan bahawa dalam diplomasi, daya serta kemampuan sangat diperlukan kerana merekalah yang akan digunakan negara untuk melicinkan urusan kepentingan tersebut. Dalam penelitiannya, Nye (2008: 94), menyebutkan bahawa kemampuan ini, atau yang disebut sebagai *power* dalam ranah diplomasi merupakan kemampuan untuk mempengaruhi pihak lain bagi mencapai tujuan yang diinginkan. Nye (2008: 94) menyatakan, “*power is the ability to affect others to obtain the outcomes you want.*”

Nye (2008: 96) menyatakan tiga hal penting sumber bagi *soft power*, iaitu budaya, nilai-nilai politik dan dasar luar. Sumber budaya antaranya adalah pendidikan, sastera, seni, yang cenderung kepada kalangan tertentu dan media massa yang lebih dekat dengan masyarakat keseluruhan. Nye (2008: 96) memberi contoh bagaimana kerajaan Perancis menggunakan pengenalan bahasa dan sastera Perancis pasca kekalahannya di perang *Franco-Prussian* pada 1883 sebagai komponen strategi diplomasi lembutnya.

Berdasarkan hal tersebut, penulis mempertimbangkan bahawa sebenarnya pendekatan secara halus telah dipraktikkan sejak zaman dahulu. Misalnya, sewaktu Kesultanan Aceh beberapa abad silam yang seringkali berutus surat dengan Kesultanan Turki Utsmaniah. Meski pun peperangan tetap ada, dan kajian teori tentang diplomasi publik serta *soft power* dan konsep

nation state pun belum ada, namun diplomasi secara halus ini sudah dilaksanakan oleh banyak pihak. Penulis mengambil contoh daripada hubungan diplomasi antara kerajaan di negara Arab dengan bangsa Cina, yang waktu itu dalam sumber sejarah Dinasti China berjudul Chiu T’ang Shu menyebutkan bahawa pada 651 M, istana T’ang dikunjungi dua duta pertama daripada kerajaan di Arab yang mereka sebut dengan istilah Ta Shih atau pun kerajaan Sriwijaya dengan bangsa Timur Tengah, dan hubungan kesultanan Turki Utsmaniah dengan kesultanan Aceh (Azyumardi Azra 2013: 20-39). Meskipun sumber primer atau pun kajian tentang hal tersebut masih sedikit, namun penulis meyakini bahawa bentuk hubungan mereka secara jelas merupakan contoh daripada *soft power*.

BAHASA MELAYU SEBAGAI *LINGUA FRANCA*

Beberapa ilmuwan bahasa sepakat menyatakan bahawa bahasa Melayu secara rasmi digunakan di beberapa wilayah kerajaan di Pulau Sumatra, Semenanjung Malaysia dan beberapa wilayah di Kepulauan Riau (Teeuw 1967: 4). Meskipun demikian, Teeuw pun agaknya belum menyatakan waktu yang tepat bila masyarakat Melayu menjadikan bahasanya sebagai bahasa penghantar atau dalam istilah linguistik *lingua franca*.

Apabila diperhatikan lebih mendalam, kerajaan besar yang berkuasa sebelum bermulanya masa kesultanan Islam adalah kerajaan Sriwijaya. Banyak sumber sejarah yang menyebutkan bahawa kerajaan Sriwijaya sudah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantarnya yang dibuktikan dengan penemuan prasasti dan sumber catatan sejarah bangsa Cina. Namun pada waktu yang sama di Jawa, kerajaan-kerajaan di sana masih menggunakan bahasa Kawi dan/atau bahasa Sanskrit sebagai bahasa komunikasi. Selain itu, bahasa Sanskrit digunakan juga pada penulisan sumber sastera khususnya falsafah dan sastra (Teeuw 1967: 4-5).

Dari perspektif asal usulnya, bentuk paling purba bahasa Melayu adalah Proto Melayu-Polinesia yang dianggap mulai berkembang sekitar 2,500 tahun sebelum masihi. Peter Bellwood dan ahli bahasa Robert Blust merupakan dua cendekiawan yang cukup berperanan penting dalam meneliti sejarah bahasa Melayu ini. Akar daripada bahasa Melayu ini adalah rumpun bahasa Austronesia (Andaya 2001: 316-317).

Penyebaran bahasa ini tidak terlepas daripada adanya migrasi. Migrasi para penduduk dari Semenanjung Malaysia ke wilayah Sumatra menjadi pendahulu bakal nenek moyang penutur bahasa Melayu di wilayah tersebut. Selain itu, sebahagian lainnya juga bermigrasi ke wilayah Kalimantan yang akan menjadi penutur Melayu-Cham (Andaya 2019: 3-4).

Bukti konkrit dan tertua sebagai dipakainya bahasa Melayu adalah tapak arkeologi berupa prasasti-prasasti peninggalan kerajaan Sriwijaya. Kerajaan yang berpusat di wilayah sungai Musi ini (kini di kota Palembang) dianggap telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar sama ada dalam kehidupan seharian atau politik. Adapun prasasti tersebut tertulis dengan bahasa Melayu dengan huruf Pallawa. Prasasti yang dimaksudkan antaranya adalah prasasti Kedukan Bukit, yang merupakan prasasti berasal dari tahun 638 M, ditemukan di tepi sungai Tatan di Sumatra Selatan. Prasasti ini memuat nama Sriwijaya. Selanjutnya adalah prasasti Talang Tuwo yang diperkirakan dibuat pada 684 M. Prasasti ini menjelaskan pembinaan Taman Srikestra yang dibangun sebagai simbol kesejahteraan negeri dan keselamatan raja. Terdapat mantera suci dan berbagai doa untuk raja pada prasasti ini. Selanjutnya adalah prasasti Kota Kapur yang dianggarkan dibina pada 686 M dengan isi yang hampir sama dengan prasasti Talang Tuwo.¹

Bahasa Melayu yang digunakan pada zaman itu, termasuk yang tertulis pada prasasti-prasasti tersebut, merupakan bahasa Melayu Kuno yang masih banyak mendapat pengaruh bahasa Sanskrit.² Di sisi lain, Teeuw (1967) sebenarnya agak meragukan catatan ini kerana pada masa yang sama, kerajaan-kerajaan di Jawa menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa penghantar dan penulisan sumber literatur. Namun, mempertimbangkan bukti-bukti prasasti yang telah disebutkan di atas, telah jelas bahawa Teeuw pun akhirnya menerima bahawa memang kerajaan di Sumatra lebih mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa tempatan mereka (Teeuw 1967: 5).

Seiring berjalannya waktu, bahasa Melayu semakin luas tersebar di wilayah Sumatra. Teeuw (1967: 5-6) kemudian menjelaskan beberapa tanda yang dapat menguatkan kesimpulannya perihal penggunaan bahasa Melayu yang cepat meluas pada abad ke-7. *Pertama*, dia menyatakan bahawa

secara geografi, kedudukan wilayah Nusantara khususnya Sriwijaya yang kini di Palembang sangatlah strategik. Perdagangan melalui laut antara Cina dan India, mungkin juga dari Timur Tengah, mengharuskan mereka melewati wilayah Sriwijaya. Di sisi lain, masyarakat di sana juga dapat melakukan kegiatan jual-beli ketika kapal beristirahat di wilayah kekuasaan Sriwijaya. Interaksi para pedagang di sanalah yang menyebabkan adanya proses perkembangan penggunaan bahasa Melayu (Teeuw 1967: 6). *Kedua*, penemuan beberapa ukiran di daerah Jawa yang menggunakan Bahasa Melayu pada sekitar abad ke-8 hingga 10 M. Hal ini menandakan bahawa bahasa Melayu sudah mulai tersebar ke pulau Jawa, yang sebelumnya kerajaan menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa rasmi. *Ketiga*, beberapa catatan dari Cina yang seringkali menghabiskan bertahun-tahun di pusat kerajaan di Nusantara sebagai persinggahan dalam perjalanan dagang mereka ke India menceritakan penggunaan bahasa Melayu. Misalnya, catatan sejarah dinasti di Cina yang menyebutkan bahawa pada abad ke-7 Masihi di wilayah Nusantara, bahasa yang digunakan adalah bahasa *Kw'un-Lun*³ yang bererti bahasa Melayu. Bahasa Melayu, menurut I-Tsing, salah seorang pengembara Cina, digunakan dalam pengajaran dan penterjemahan buku agama dan falsafah Buddha yang asalnya tertulis dalam bahasa Sanskrit.

Dalam beberapa tahun berikutnya, penggunaan bahasa Melayu semakin meluas ke luar wilayah Sumatra, salah satunya ialah Jawa. Sebagaimana petunjuk yang digagas Teeuw (1967), bahawa besar kemungkinan pada sekitar abad 8-10 M, masyarakat di pulau Jawa mulai menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantarnya kendati masih sulit ditemukan bukti-bukti literaturnya. Hal ini terjadi oleh sebab adanya penyebaran agama baru yang masuk ke wilayah Jawa, misalnya Islam, yang mana menggunakan bahasa Melayu meskipun penyebaran Islam belum lagi meluas serta perlu beberapa kajian sejarah.

Perkembangan berikutnya iaitu sewaktu kesultanan Islam, khususnya dalam kerajaan Samudera Pasai. Saat itu, sebagaimana Teeuw (1967), bahasa Melayu sudah menjadi bahasa pengantar masyarakat termasuk dalam pengajaran di sekolah-sekolah keagamaan. Selain itu, di wilayah Sumatra dan juga Semenanjung Malaysia, para ulama dan muridnya meluaskan penggunaan

penulisan huruf Jawi yang menggantikan huruf Pallawa (Lukman Ali 1998: 3).

Gerakan sastra Melayu cukup berkembang pesat pada masa kesultanan Islam. Selain penulisan sumber-sumber pengajaran Islam, mulai muncul beberapa nama yang berperanan penting dalam perkembangan bahasa Melayu khususnya dalam penulisan literatur. Beberapa karya antaranya juga berbentuk syair, sehingga dianggap sebagai gerakan sastra Melayu. Pada masa ini, banyak sekali penyerapan kata-kata atau istilah-istilah daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu khususnya dalam ragam agama. Dalam hal ini, kiranya adalah tepat bahawa proses pemodenan bahasa Melayu dimulai, sebagaimana kesimpulan yang diberikan Al Attas (1972) perihal Hamzah Fansuri dengan karyanya.⁴ Beliau menyatakan bahawa Hamzah Fansuri merupakan Bapa Kesusasteraan Melayu Moden di samping beliau juga merupakan ulama dan sufi. Penyebutan ini disebabkan oleh karya-karya beliau yang menunjukkan karakter daripada bahasa Melayu moden.

Pada masa kolonial, bangsa Belanda yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar, sama ada secara politik dan juga pentadbiran, semakin menambah penggunaan bahasa Melayu dan bahkan berkembang ke wilayah timur. Hal yang serupa juga terjadi dalam hal penyebaran agama Kristian yang dibawa para penjajah. Kitab suci dan buku-buku keagamaan diterjemahkan ke bahasa Melayu. Teeuw (1967: 6) menekankan bahawa, bahasa Melayu masih jauh lebih diterima sebagai bahasa penghantar dibandingkan dengan bahasa Belanda.

Perkembangan penggunaan bahasa Melayu terus meningkat sehingga memasuki abad ke-20 oleh sebab berdirinya organisasi-organisasi pergerakan nasional yang secara pentadbiran menggunakan bahasa Melayu. Perkembangan ini mencapai puncaknya pada 28 Oktober 1945. Saat itu para pemuda yang mengikuti kongres Sumpah Pemuda secara muafakat menyatakan bahasa persatuan bangsa Indonesia adalah bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia yang dimaksud adalah perkembangan selanjutnya daripada bahasa Melayu. Dan perkembangan bahasa Indonesia terus terjadi hingga masa kini.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, penulis yakin bahawa proses tersebarnya bahasa Melayu di wilayah Nusantara telah mengambil masa yang tidak sebentar. Proses dimula dengan

penggunaan Melayu Kuno di Sriwijaya, yang kemudian mulai cepat tersebar oleh sebab penggunaannya di masa kesultanan-kesultanan Islam seperti Samudera Pasai dan Aceh. Bahasa ini juga turut mengalami pemodenannya, yang dibuktikan dengan khazanah kosa kata dan konsep baharu yang salah satunya dibawakan oleh Hamzah Fansuri. Proses yang lama ini membuat bahasa Melayu melekat dalam kalangan masyarakat dan masuk melalui segala aspek kehidupan seperti komunikasi sehari-hari, pentadbiran kesultanan dan juga pendidikan. Oleh itu, ketika bangsa Belanda menjajah, bahasa Belanda tidak dapat menggantikan penggunaan bahasa Melayu. Justeru bangsa Belanda perlu mempelajarinya, sebagaimana para pedagang dan cendekiawan Islam yang datang untuk berdagang dan mengajarkan Islam.

PENGISLAMAN DAN STRATEGI DIPLOMASI BAHASA MELAYU

Pengislaman masyarakat Melayu kiranya sudah dibahas tuntas oleh banyak sarjana pengajian Melayu, bahasa Melayu, atau pun ahli akademik bidang kajian wilayah Asia Tenggara. Penulis meyakini bahawa nama al-Attas adalah salah satu nama yang penting dalam kajian Melayu khususnya terkait dengan pengislaman dalam perspektif falsafahnya. Memang dalam pengukuhannya sebagai profesor pada 1972, beliau hadir dengan perspektif yang cukup berbeza kerana ahli akademik lainnya datang daripada perspektif politik dan sejarah.

Pengislaman di Nusantara bukan hanya berbicara persoalan penyebaran agama Islam. Sebagaimana yang telah penulis ungkapkan di atas, bahawa bahasa Melayu turut berperanan besar dalam pengislaman ini dan begitu pula sebaliknya. Agama Islam juga dianggap sebagai daya atau tenaga luhur dalam perkembangan penggunaan bahasa Melayu diikuti dengan kaedah-kaedahnya dalam ilmu kebahasaan. Hal ini tidak dapat diragukan lagi bahawa bukti-bukti perihal tradisi penyebaran agama Islam dan pengajarannya yang menggunakan bahasa Melayu menjadi pendukung tersebarnya bahasa itu (Hashim Musa et al. 2013: 2-3).

Meskipun beberapa bukti daripada peninggalan kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7 telah menunjukkan penggunaan bahasa Melayu oleh masyarakat di Sumatra, bahasa Melayu dianggap

telah menjadi atau mungkin, melebur dengan Islam ketika mulai berdirinya kerajaan-kerajaan Islam seperti Perlak, Pasai, Aceh, Melaka, Kedah, Kelantan dan Riau. Penggunaan bahasa ini semakin meluas di Nusantara meski pada masa Samudera Pasai dan Aceh, kerajaan Hindu-Buddha seperti Kediri dan kemudian Majapahit masih berdiri. Perkembangan ini terus berlanjut selama lebih dari 1,000 tahun. Ini menjadikan kedudukan Bahasa Melayu semakin teguh dan kukuh (Hashim Musa 2013: 3).

Penulis mendapatkan sekurang-kurangnya tiga bukti yang diyakini sebagai bukti sah adanya strategi *soft power* bahasa Melayu kepada masyarakat Nusantara. Bukti-bukti tersebut adalah: 1) Penggunaan huruf Jawi dan penyerapan Bahasa Arab serta istilah-istilah ragam agama Islam, 2) Penulisan buku keilmuan dalam bahasa Melayu dan gerakan sastra Melayu, dan 3) Penggunaan bahasa Melayu pada masa penjajahan bangsa Belanda.

1. Penggunaan Huruf Jawi dan Penyerapan Bahasa Arab

Sebagaimana yang telah dipaparkan, bahawa pengislaman sekalipun tidak dapat dipisahkan dengan proses perkembangan bahasa Melayu berikut dengan penggunaan huruf Jawi sewaktu era kesultanan-kesultanan Islam. Jumpaan ahli arkeologi seperti nisan di pemakaman kerajaan Samudra Pasai dan kerajaan Perlak telah menjadi bukti kuat bahawa pada saat kerajaan-kerajaan tersebut berdiri, kerajaan dan masyarakat kedua pihak menggunakan huruf Arab dalam penulisan. Huruf Arab inilah yang berikutnya disebut dengan istilah Jawi.

Berdasarkan Kyoung Seok (1990) dalam bukunya yang kemudian dikutip oleh Farhanah Abdullah (2020: 69), bahawa istilah Jawi diserap daripada bahasa Arab iaitu *Jawah*. Selanjutnya Seok juga menjelaskan bahawa istilah Jawi ini berkait dengan banyak ras di Asia Tenggara, antaranya adalah Champa, Patani, Aceh, Jawa, Minangkabau, Mandailing, Sunda, Bugis, Banjar, Lombok, Filipina dan beberapa bangsa lainnya. Berdasarkan Winstedt (1958) dan Yusoff (2005) yang dikutip oleh Abdullah (2020: 69), huruf Jawi ini tidaklah secara langsung diterima pakai daripada huruf Arab, namun Ia melalui proses terlebih dahulu

dan diserap daripada huruf Arab-Persia (*Perso-Arabic Script*).

Dapat dipertimbangkan bahawa bahasa Melayu memiliki karakter yang sama dengan agama Islam, iaitu inklusif. Hal yang menjadi catatan penting ialah dalam sejarahnya, sebagaimana yang dibahas tuntas oleh Teeuw (1967), bahawa bahasa Melayu bukanlah murni daripada bangsa Melayu, namun ia mengalami adanya masuk/kemasukan bahasa daripada etnik atau bangsa lain seiring dengan migrasinya masyarakat zaman dahulu. Begitu pula dengan karakter Islam sendiri yang bersifat inklusif. Agaknya sudah cukup jelas para sarjana menjelaskan bagaimana para ulama Islam mengakomodasi dan mengakulturasi budaya masyarakat setempat sehingga penyebaran Islam berjalan dengan damai.

Maka dapat disimpulkan bahawa sifat inklusif ini menjadi faktor yang memudahkan pengislaman di Nusantara. Para intelektual daripada luar Melayu, yang merupakan pemeran utama dalam penyebaran Islam, tidak secara tiba-tiba menggunakan bahasa Arab dalam mengajarkan Islam, khususnya Al Quran dan Hadis. Namun mereka tetap menggunakan bahasa Melayu sebagai penghantar yang tentu dengan mempelajarinya terlebih dahulu. Adapun perubahan yang para cendekiawan berikan adalah penggunaan huruf Arab dalam penulisan sehingga masyarakat Melayu terbantu dalam kemampuan mereka membaca huruf Arab. Itulah yang menjadi faktor pendorong bagi setiap kalangan masyarakat dalam membaca dan mengkaji Al Quran dan Hadis, iaitu kerana mereka telah mampu membaca tulisan aksara Arab yang selanjutnya disebut Jawi. Di sisi lain, aksara Jawi pun telah mengalami penyesuaian (Kyung Seok 1998: 5-6).

Penulis meyakini bahawa para intelektual Islam mempelajari kejayaan penyebaran Islam pada bangsa lain, misalnya bangsa Parsi yang berganti menjadi huruf Arab-Perso. Dalam hal ini, bahasa Parsi tidaklah diubah namun tulisan atau huruf yang digunakan dan diubah. Contoh lainnya adalah bangsa Turki yang juga sempat menggunakan huruf Arab khususnya pada masa kekhilafahan Utsmaniyyah dan tetap menggunakan bahasa Turki sebagai *lingua franca*. Begitu pula bangsa-bangsa bekas

peradaban Mesopotamia, bangsa Afghanistan, Urdu, dan bangsa Cina yang menetap di wilayah Xin Jiang. Mereka tetap menggunakan bahasa tempatan mereka tetapi penulisannya menggunakan huruf Arab (Kyung Seok 1998: 6).

Penggunaan huruf Jawi, bahkan disebut oleh beberapa cendekiawan sebagai bahasa Jawi, merupakan hal yang disengaja demi memudahkan masyarakat untuk menerima ajaran mereka. Sebagai contoh, Hamzah Fansuri dalam bahagian pembukaan karyanya *Syarab al Asyiqin* menyatakan "Aku menulis ini menggunakan bahasa Jawi supaya orang yang tidak mengerti Arab dan Persia mengerti maksudku". Dalam hal ini istilah Jawi sudah bukan lagi menjadi sebuah tulisan atau aksara, namun ia telah menjadi sebuah bahasa. Ia merupakan bahasa Melayu yang mana tulisannya menggunakan huruf Arab. Contoh lainnya, merujuk kepada (Kyung Seok 1998: 7), adalah pernyataan daripada intelektual lainnya seperti Nuruddin ar-Raniri, Arshad al-Banjari, dan Abd ar-Rauf Singkel. Berdasarkan perkataan mereka inilah, dapat ditafsirkan bahawa para intelektual juga percaya betapa pentingnya penggunaan bahasa tempatan dalam menyebarkan ajaran atau pengaruh.

Penulis meyakini bahawa motif Hamzah Fansuri adalah menyebarkan risalah tasawuf dengan menggunakan strategi *soft power*, iaitu dengan menggunakan tulisan Jawi dalam karya-karyanya. Meskipun beliau tidak menyatakannya secara terus. Hal ini dapat dibuktikan pada perkataannya di atas, bahawa tulisannya dalam Bahasa Jawi ialah agar orang-orang yang tidak memahami bahasa Arab dapat mempelajari ajarannya.

Bahkan perkembangan ini tidak hanya terhenti di bahasa Jawi. Kerana seiring dengan penyebaran ke wilayah Jawa, kaedah yang sama tetap digunakan sehingga lahirlah Pegon yang ada di masyarakat Jawa dan juga Sunda. Pasantren sebagai lembaga pendidikan masyarakat Islam saat itu, menjadi pusat pengajaran Islam dengan menggunakan bahasa tempatan dan tulisan huruf Jawi atau pun Pegon.

Namun al-Attas dalam bukunya yang dikutip oleh Abdullah (2020) berpandangan bahawa huruf Jawi secara langsung

disesuaikan daripada huruf Arab yang dibawakan oleh para pendakwah yang menyebarkan agama Islam ke wilayah Nusantara. Huruf Arab yang dibawakan ini berjumlah lengkap iaitu 28 huruf dan 5 huruf tambahan bagi menyesuaikan adanya fonem-fonem yang terdapat pada bahasa Melayu namun tidak ada pada Bahasa Arab, seperti *cha*, *pa*, *nga*, *ga* dan *nya* (Abdullah 2020: 69).

Abdullah (2020) selanjutnya berpandangan bahawa huruf Jawi ini hanya dapat berlaku kepada bahasa Melayu saja. Bahkan bahasa Melayu dan sasteranya juga berkembang pesat kerana penggunaan huruf Jawi. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti penterjemahan buku-buku bahasa Arab dan juga Al Quran serta hadis kepada bahasa Melayu oleh para mubaligh dari Arab dengan menggunakan huruf Jawi dan penulisan buku-buku keagamaan, hukum, cerita, sajak, dan juga dokumen rasmi yang menggunakan huruf Jawi. Faktor pendorong lainnya adalah, berdasarkan Bruinessen yang dikutip oleh Abdullah (2020), bahawa masyarakat Melayu belum memahami Bahasa Arab. Dengan demikian, penggunaan huruf Jawi dan sumber tulisan berbahasa Melayu menjadi solusi terbaik dan adil bagi masyarakat Melayu umum dalam memahami ajaran Islam dalam buku-buku keagamaan. Adapun penulis juga meyakini bahawa para penyebar agama Islam yang datang dari Arab kemungkinan tidak mempelajari huruf Pallawa ataupun bahasa Sanskrit. Hal ini juga menjadi faktor dari luar dan berkembangnya penggunaan huruf Jawi. Maka daripada itu, penulis meyakini bahawa peranan huruf Jawi sangat penting dalam perkembangan dan penyebaran Bahasa Melayu dan juga penyebaran Islam di Nusantara.

Pada sisi lain, bahasa Melayu semakin berkembang lebih pesat kerana adanya penyerapan bahasa Arab. Berdasarkan pandangan Al Attas (1969: 5), bahasa Melayu mengalami perubahan dengan banyaknya serapan daripada Bahasa Arab dan juga Parsi khususnya ragam agama Islam. Meskipun terdapat juga banyak kata atau istilah di luar ragam itu. Antara kata-kata dalam ragam Islam iaitu, *Allah*, *Malaikat*, *Rasul*, *Nabi*, *Kitab*, *Solat* dan lain sebagainya yang menghadirkan makna, konsep dan falsafah baru dalam

kehidupan masyarakat Melayu. Adapun kata-kata di luar daripada ragam Islam misalnya adalah *qirtos* yang diserap menjadi kertas. Kata kertas ini juga menurut Farhana Abdullah (2020: 70-71) menjadi hal baharu bagi masyarakat kerana sebelumnya penulisan masih lebih sering pada batu, logam, daun, ataupun kulit haiwan. Inilah kiranya yang dimaksud oleh Al Attas (1972) bahawa penyerapan Bahasa Arab juga membawa banyak perubahan dalam peradaban masyarakat Melayu.

Perubahan (penyerapan dari bahasa Arab) ini bukan hanya mendatangkan transformasi bahasa pertuturan atau tulisan-tulisan dalam sumber literatur atau pun karya sastera, tetapi perubahan yang datang menurut Al Attas juga membawa wacana falsafah dan pemikiran baru. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam setiap pengajaran dan khususnya penterjemahan kitab-kitab berbahasa Arab, tentu menjadi bukti kuat mengapa bahasa Arab banyak diserap kerana kekayaan kosa kata bahasa tersebut yang memberikan istilah, makna dan falsafah baru yang belum ada pada tradisi sebelumnya, iaitu era Hindu-Buddha.

Al-Attas kemudian menjelaskan bahawa proses penyerapan ini dan semakin tersebarnya penggunaan bahasa Melayu telah meningkatkan taraf keintelektualan bahasa Melayu itu sendiri, sehingga ia menjadi bahasa yang logik, penuh dengan ilmu, dan berwibawa dan bahkan dapat menggantikan hegemoni bahasa Jawa pada abad ke-16 M. Setidaknya lebih daripada 1,800 kosa kata Bahasa Arab diserap ke Bahasa Melayu dan masih digunakan sehingga hari ini khususnya yang berada dalam ragam agama Islam (Mutaali 2010: iii). Bahkan berdasarkan penelitian penulis sendiri pada 2017, secara ilmu linguistik, beberapa nama tokoh wayang Punakawan iaitu Semar, Petruk, Nala Gareng, dan Bagong, juga diserap daripada Bahasa Arab.⁵

2. Penulisan Buku Berbahasa Melayu dan Perkembangan Sastera Melayu

Sebagaimana yang telah dipaparkan bahawa penterjemahan dan penulisan sumber literatur dalam bahasa Melayu menjadi pemangkin

tersebar luasnya penggunaan bahasa tersebut. Semenjak era kerajaan Islam dimulai, bahasa Melayu bukan hanya sebagai bahasa komunikasi sehari-hari tetapi juga menjadi bahasa rasmi dalam surat-menyurat sama ada masyarakat atau kerajaan, penulisan buku dan karya sastera seperti sajak, dan penterjemahan. Penggunaan huruf Jawi juga faktor pendorong dalam hal ini, khususnya kepada golongan pelajar di pondok.

Berdasarkan Musa (2013: 3-4), beberapa buku (*kitab*) yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan huruf Jawi antaranya sebagai berikut.

- a. *Sirat al-Mustaqim*: Ilmu Feqah, (karya Nuruddin ar-Raniri, Aceh tahun 1644M)
- b. *Bidayat al-Hidayat*: Ilmu Tauhid, Usuluddin (karya Muhammad Zain Jalaluddin Aceh 1757 M)
- c. *Sabilal Muhtadin*: Ilmu Feqah, (karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, tahun 1780 M)
- d. *Hidayat al-Salikin*: Ilmu Tasawuf, (karya Abdus Shamad al-Falimbangi tahun 1778 M)
- e. *Siraj al-Huda*: Ilmu Tauhid, (karya Muhammad Zain al-Din al Samabawi tahun 1886 M)

Selain itu, terdapat juga beberapa kitab yang ditulis oleh beberapa sarjana daripada bangsa Patani dan Semenanjung Malaysia. Beberapa peneliti pun sudah mengumpulkan sekiranya lebih daripada 1,000 judul karya berbentuk naskhah manuskrip yang berbahasa Melayu dan berhuruf Jawi. Dalam hal ini dapat disimpulkan bahawa Jawi, bahasa Melayu, dan penyebaran Islam saling berkaitan dalam peranannya di Nusantara, meskipun pada masa kini penggunaan Jawi sudah jauh berkurang dan secara rasmi sudah tidak digunakan dan telah digantikan dengan huruf latin (Abdullah 2020: 69).

Hal penting lainnya ialah bahawa perkembangan sastera Melayu yang menurut al-Attas (1972) menjadi landasan pemodenan bahasa Melayu. Pemodenan ini diyakini sebagai fasa daripada perkembangan diplomasi bahasa Melayu di wilayah Nusantara. Beberapa karya sastera tersebut sampai hari ini masih menjadi topik penting dalam kajian multidisiplin. Menurut al-Attas (1972), karya-

karya sastra pertama dalam bahasa Melayu adalah karya Hamzah Fansuri. Meskipun Hamzah Fansuri, mungkin, tidak pernah mengatakan secara eksplisit bahawa dia turut mempromosikan penggunaan bahasa Melayu, tetapi secara tidak langsung karya-karya beliau menyumbang dalam hal memperkaya kosa kata bahasa Melayu itu sendiri serta menunjukkan unsur estetika di sebalik kata-kata tersebut sehingga ia membawa makna falsafah yang mendalam khususnya dalam ilmu Tasawuf.

Beberapa karya masyhur, khususnya syair, antaranya berjudul *Syair Anak Dagang*, *Bismillah al-Hayy al-Baqi*, *Aho Segala Kita Anak Adam*, dan *Syair Unggas*. Abdul Hadi (2020) dalam bukunya *Tasawuf yang Tertindas* mencatat sekiranya terdapat dua daripada empat manuskrip yang memuat ikatan-ikatan syair Hamzah Fansuri dengan jumlah terbanyak, iaitu Ms. Jak. Mal. No. 83 dan Cod. Or. Leiden 2016. Kedua manuskrip tersebut menyimpan sekitar 30 ikatan syair Hamzah Fansuri yang ditulis dalam Bahasa Melayu dengan huruf Jawi (Hadi 2020: 198-208).

3. Penggunaan Bahasa Melayu Zaman Penjajahan Belanda

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis, berdasarkan penemuan Teeuw (1967), penggunaan bahasa Melayu tetap bertahan bahkan sampai masa datangnya bangsa Belanda. Wilayah Nusantara yang strategik sebagai jalur perdagangan dunia, khususnya Selat Melaka, turut berperanan penting memperteguh bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar perdagangan di sana. Jauh sebelum masa kesultanan Islam, catatan sejarah dari I-Tsing telah menyebutkan bahawa bahasa tersebut telah digunakan dalam perdagangan di wilayah kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7. Teeuw (1967) dalam bukunya juga menjelaskan bahawa para pedagang dari Arab, India, Persia, dan Cina juga mempelajari Bahasa Melayu dan menggunakannya untuk berniaga di wilayah Nusantara, termasuk pada masa Samudra Pasai dan Aceh.

Anthony Reid (2014) dalam tulisannya *Asia Tenggara dalam kurun Niaga 1450-1680 Jilid 1* menjelaskan bahawa bahasa Melayu, dalam ranah perdagangan, teknologi, dan beberapa bidang lainnya, telah mempengaruhi

bahasa Tagalog. Bahkan pusat-pusat perdagangan di Kemboja juga dikenal daripada bahasa Melayu iaitu kata *kampong* dan kata *cu-lau* yang diserap dari pulau. Hal ini terjadi pada abad 15-17 M (Reid 2014:10-11). Ini jelas menandakan bahawa bahasa Melayu sudah bukan hanya berpengaruh pada kerajaan Islam di wilayah Sumatra atau pun Semenanjung Malaysia, tetapi juga ia telah mempengaruhi budaya bangsa lain di Asia Tenggara. Reid (2014) juga menambahkan bahawa paling tidak para pendatang di Melaka harus menggunakan bahasa Melayu di wilayah pelabuhan.

Pengaruh bahasa Melayu inilah yang diyakini menyebabkan para pelaut dan pedagang bangsa Eropah juga harus mempelajarinya. Bahkan pada 1522 M, Antonio Pigafetta yang merupakan anggota pasukan ekspedisi Ferdinand Magellan, membuat daftar kosa kata (seperti kamus) bahasa Melayu yang berjudul *Vocabulli de Questi Populi Mori*. Selanjutnya, pelaut Belanda juga ikut serta membuat kamusnya, antaranya adalah Frederick de Houtman pada 1608 M dan Casper Wiltens dan Sebastianus Dancakerst pada 1623 M.⁶

Teeuw (1967) juga menyebutkan dalam bukunya bahawa, bahasa Melayu yang sejak kesultanan Islam telah menjadi bahasa penghantar juga telah menyebabkan bangsawan Belanda menggunakan bahasa Melayu di awal tempoh penjajahan. Bahasa Melayu dan huruf Jawi juga masih digunakan dalam hal pentadbiran. Bahasa Melayu tetap berkembang dan semakin tersebar pada abad 18 hingga awal 20-an meskipun saat itu telah memasuki masa Pemerintah Kolonial Belanda menguasai hampir seluruh wilayah di Nusantara dengan menggunakan Bahasa Belanda sebagai pengantar mereka dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan. Hooykaas (1939) yang dikutip Teeuw (1967) menyebutkan bahawa faktor baru dan penting lainnya yang mengukuhkan bahasa Melayu adalah penggunaannya kembali dalam hal pentadbiran bangsa peribumi di awal abad 20. Kerana pada masa itu, setelah dasar politik etika, bangsa peribumi sudah mulai mendirikan organisasi pergerakan nasional. Jumlah penduduk yang juga terus bertambah menjadi pendorong lainnya. Bahasa Melayu, sebagaimana Hooykaas (1939) dalam Teeuw

(1967), digunakan oleh penyiar radio dan jurnalis sama ada majalah mahu pun harian.

Hooykaas (1967) selanjutnya menyatakan bahawa bahasa Melayu lebih diterima berbanding bahasa Belanda. Meskipun Pemerintah Kolonial yang saat itu berkuasa menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa dalam pentadbiran pemerintahan, tetapi masyarakat nusantara tetap menjadikan bahasa Melayu bahasa komunikasi dan juga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan pentadbiran organisasi. Teeuw (1967: 6-7) menyimpulkan bahawa bahasa Melayu pada masa penjajahan tetap tidak tergantikan.

Pada awal makalah ini, telah dipaparkan asas teori *soft power* yang dikembangkan oleh Nye (2008) dan beberapa sarjana lainnya. Penulis dalam hal ini menilai bahawa ketiga hujah di atas adalah bentuk daripada *soft power* yang dilakukan oleh masyarakat Nusantara saat itu meskipun tidak secara eksplisit mereka sebutkan bahawa apa yang mereka lakukan adalah strategi daripada *soft power*.

Penggunaan huruf Jawi dan penyerapan bahasa Arab, yang merupakan hujah pertama, adalah satu bentuk daripada *soft power*. Perkara pertama ini berada pada fasa awal perkembangan bahasa Melayu. Sebagaimana yang telah dijelaskan penulis, bahasa Melayu yang sebelumnya digunakan oleh kerajaan Sriwijaya merupakan bahasa Melayu Kuno yang masih banyak pengaruh dan pemikiran Hindhu dan Buddha. Namun ketika Islam mulai masuk dan disebarkan, bahasa Melayu mengalami perkembangan tahap awalnya dengan penyerapan kosa kata yang khasnya ada pada ranah keagamaan dengan menghadirkan makna dan falsafah yang berbeza sekaligus estetikanya tersendiri. Penggunaan Jawi pada masa tersebut juga menjadi pendukung dalam perkembangan dan tersebar luasnya bahasa Melayu. *Kedua*, penulisan karya dengan bahasa Melayu dan gerakan sastra Melayu juga merupakan strategi daripada *soft power*. Sebenarnya tujuan daripada *soft power*-nya masih sama dengan strategi yang pertama, iaitu untuk memperkukuh bahasa Melayu dalam masyarakat. Kitab-kitab daripada bangsa lain,

termasuk kitab agama Islam yang berbahasa Arab ataupun Parsi, diterjemahkan ke bahasa Melayu dan dituliskan menggunakan Jawi. Pengajaran pun juga menggunakan bahasa Melayu dan tidak menggunakan bahasa Arab. Para cendekiawan muslim Nusantara juga menuliskan kitabnya dalam Bahasa Melayu. Hal ini juga menjadikan bahasa Melayu semakin tersebar dalam kalangan masyarakat, khasnya dalam bentuk tulisan dan bahkan menghadirkan kaedah tatabahasanya. Di sisi lain, penulisan karya sastra Melayu, misalnya yang dibuat oleh Hamzah Fansuri, turut serta dalam mengukuhkan bahasa Melayu dalam masyarakat. Bahkan beliau menghadirkan nilai-nilai puitis terhadap sastra Melayu serta pemikiran dibalik setiap simbolnya, dan estetika dalam bahasa Melayu itu sendiri. Kedua hujah ini tentu tidak dapat dipisahkan pula dengan proses pengislaman yang terjadi di Nusantara. Adapun yang *ketiga*, iaitu pemberlakuan bahasa Melayu dalam pentadbiran pemerintahan atau pun organisasi juga merupakan strategi *soft power*. Dimulakan daripada bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa dalam perniagaan, membuat bangsa luar yang datang ke Nusantara harus mampu untuk berbahasa Melayu secara verbal. Hal ini terus berlanjut sampai kedatangannya bangsa Belanda. Penggunaan bahasa Melayu yang telah dan tetap meluas dalam masyarakat, khususnya pada abad 16-18 M, justeru mengalahkan penggunaan bahasa Belandanya orang-orang yang tergabung *Vereenigde Oost Indische Compagnie* (VOC). Bahasa Melayu tetap dipertahankan kerajaan untuk bahasa pengantar dan pentadbiran. Meskipun Pemerintah Kolonial menggunakan bahasa Belanda, tetapi masyarakat peribumi masih mempertahankan bahasa Melayu. Lebih dari itu, usaha mempertahankan ini secara juga dilakukan oleh masyarakat pada awal abad ke-20, seperti pentadbiran organisasi, penyiaran radio dan penulisan media jurnalistik. Ketiga hujah di atas yang diyakini sebagai bentuk usaha masyarakat zaman tersebut dalam mengukuhkan dan mengembangkan Bahasa Melayu. Perhatikan Jadual 1.

JADUAL 1. Strategi *soft power* bahasa Melayu

Keterangan	Strategi Diplomasi
Penggunaan Huruf Jawi dan Penyerapan Bahasa Arab	Adanya penggunaan huruf Jawi dan penyerapan daripada kosa kata Bahasa Arab, membuat bahasa Melayu menjadi kaya dan memiliki keistimewannya sendiri. Akibatnya, kedatangan Islam dan bangsa Arab tidak menggantikan bahasa Melayu, justeru memperkaya bahasa tersebut dan seiring penyebaran Islam meluas dari Barat ke Timur, semakin pula masyarakat Nusantara mengenal bahasa Melayu.
Penulisan buku-buku dalam bahasa Melayu dan gerakan sastra Melayu	Penulisan buku juga masih berkaitan dengan hujah pertama. Penterjemahan buku-buku daripada bahasa asing, misalnya Arab, justeru menunjukkan kuatnya pengaruh bahasa Melayu sehingga ia tidak tergantikan. Begitu pula dengan karya sastra Melayu, yang hadir dan menunjukkan estetikanya tersendiri sehingga bahasa Melayu mencapai pada tingkat terbaiknya dalam peradaban Melayu. Hal ini juga merupakan upaya (meski tidak secara nyata para ulama dan sasterawan menyebutkan bahawa diri mereka sedang berdiplomasi) ulama dan sasterawan dalam mempertahankan bahkan mengukuhkan bahasa Melayu
Penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran pemerintahan dan organisasi	Bermula daripada bahasa Melayu sebagai bahasa perniagaan sejak abad ke-7 M, bahasa ini terus tersebar dan semakin meluas penggunaannya hingga masuk masa penjajahan Belanda. Penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran inilah merupakan bentuk jelas dalam mempertahankan dan mengukuhkan bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu tidak muncul secara tiba-tiba. Ia telah ada sejak ribuan tahun dan terus mengalami perkembangannya. Migrasi bangsa-bangsa mulai memperkuat bahasa Melayu sehingga pada awal masa kerajaan Sriwijaya, telah disahkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar masyarakat dan juga kerajaan. Babak baru perkembangan bahasa Melayu adalah semasa pengislaman atau pun era kesultanan Islam. Berdasarkan dapatan penulis, setidaknya dalam seribu tahun sejak masa kerajaan Sriwijaya, terdapat tiga hal penting dalam perkembangan, penyebaran dan pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar. Hal ini pula yang diyakini sebagai bahagian strategi *soft power*, yang merupakan teori yang dibangunkan oleh Nye (2008). Ketiga hujah tersebut adalah penggunaan huruf Jawi dan penyerapan Bahasa Arab, penulisan buku-buku dalam bahasa Melayu serta gerakan

sastera Melayu, dan penggunaan bahasa Melayu dalam hal pentadbiran pemerintahan ataupun organisasi.

Perkembangan bahasa Melayu selanjutnya adalah ketika setelah adanya pemberlakuan politik etika, dimana bangsa peribumi sudah mulai kembali menggunakan bahasa Melayu dan mendapatkan legitimasinya sebagai bahasa penghantar sewaktu kongres Sumpah Pemuda tahun 1928 M sebagai bahasa Indonesia. Hal ini mungkin dapat menjadi cadangan bagi para pembaca atau pun peneliti untuk mengkaji secara terperinci bagaimana proses sejarah bahasa Melayu serta kaitannya dengan teori lain, misalnya sosiolinguistik dalam hal ideologi bahasa.

NOTA

- ¹ Lihat Dedi Arman, *Perkembangan Bahasa Melayu*, <https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/bpnbkepri/perkembangan-bahasa-melayu/>, 2014, diakses pada 5 Agustus 2021. Dalam artikelnya, dia menjelaskan bahawa salah satu sumber dari sejarah Cina, bahawa pengembara Cina berkunjung ke negeri Sriwijaya. Salah satu di antaranya adalah I Tsing, yang kemudian menjelaskan dalam karyanya *Chronicle*, bahawa masyarakat, dalam kehidupan keagamaan, ekonomi, dan politik telah menggunakan bahasa Melayu (yang dia sebut sebagai *Kw'un Lun*) sebagai bahasa pengantar di negeri Sriwijaya.
- ² Lukman Ali, *Ikhtisar Sejarah Ejaan Bahasa Indonesia*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Depdikbud, 1998, hlm. 2. Lihat juga Fadrik Aziz Firdausi, *Sejarah Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca di Asia Tenggara*, <https://tirto.id/sejarah-bahasa-melayu-sebagai-lingua-franca-di-asia-tenggara-eBCU>, 2020, diakses pada 5 Agustus 2021.
- ³ Teeuw (1967) dalam bukunya menjelaskan bahawa istilah *Kw'un-Lun* mengacu pada penggunaan bahasa di beberapa wilayah berbeda, di antaranya Kamboja, Myanmar, dan bahkan Madagaskar, meski menurutnya hal ini tidak perlu menjadi perhatian mendalam perihal kesamaan maksud dari istilah *Kw'un-Lun*.
- ⁴ Lihat: <https://insists.id/al-attas-dan-teori-islamisasi-nusantara-2/> diakses pada 8 Agustus 2021 pukul 21.00 WIB. Dalam artikel tersebut, dijelaskan perihal pidato pengukuhan Al Attas saat dirinya dikukuhkan sebagai Professor di Universiti Kebangsaan Malaysia. Al Attas berbicara tentang teori Pengislaman nusantara berikutan hubungannya dengan bahasa Melayu. Pada intinya, pengaruh bahasa, dalam hal ini adalah bahasa Melayu, sangatlah besar dalam membantu penyebaran Islam di Indonesia dan semenanjung Malaysia.
- ⁵ Riset dibuat oleh Hafidz Fadli sebagai skripsi untuk tugas akhir kelulusan di jenjang sarjana Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia berjudul: *Unsur Serapan Bahasa Arab dalam Nama Tokoh Wayang Punakawan: Analisis Sosiolinguistik*, tahun 2017.
- ⁶ Lihat Firdausi, *op.cit*, diakses pada 15 Agustus 2021 pukul 10.00 WIB.

RUJUKAN

- Abdullah, F., Hj, A., Rahman, A., Ali, A.M., Khairi, F., Kadir, A., Adam, F., Sultan, U. and Abidin, Z. 2020. Jawi script and the Malay society: Historical background and development. *International Journal of Management* 11(7): 68—78 .

- al-Attas, M.N. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Malaysia Museums Department
- Ali, Lukman. 1998. *Ikhtisar Sejarah Ejaan Bahasa Indonesia*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Depdikbud.
- Andaya, L.Y. 2001. The search for the 'Origins' of Melayu. *Journal of Southeast Asian Studies* 32(3): 315-330.
- Andaya, L.Y. 2019. *Selat Malaka: Sejarah Perdagangan dan Etnisitas*. Depok: Komunitas Bambu.
- Arman, D. 2014. *Perkembangan Bahasa Melayu*, diakses pada 5 Agos 2021.
- Azra, A. 2013. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII: Akar Pembaruan Islam Indonesia*. Depok: Prenadamedia Group.
- Firdausi, F.A. 2020. *Sejarah Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca di Asia Tenggara*, <https://tirto.id/sejarah-bahasa-melayu-sebagai-lingua-franca-di-asia-tenggara-eBCU>, diakses pada 5 Ogos 2021.
- Hadi, A. 2020. *Tasawuf yang Tertindas*. Jakarta: Buku Kompas.
- Kang, K.S. 1988. *Pengantar Ilmu Jawi*. Selangor: Klasika Media.
- Kumar, N. 2021. Strengthening relations with South Korea's public diplomacy: Korean language in India. *International Journal of Innovative Research in Engineering and Management* 8(3): 35-38.
- Masraeng, R. 2015. Diplomasi bahasa menjembatani keragaman bahasa daerah dan pengutamaan Bahasa Indonesia. *Retorika: Jurnal Ilmu Bahasa* 1(1): 155-167.
- Musa, H., Che Rodi, R., Pondo, H. and Noor Muhammad, S.J. 2013. Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Kemanusiaan* 20(1): 1-22.
- Muta'ali, A. 2010. *Kontribusi Bahasa Arab dalam Kosakata Bahasa Indonesia*. Purwakarta: Nur El Syams Publishing.
- Nye, J. S. 2008. Public Diplomacy and Soft Power. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 616: 94-109 .
- Reid, A. 2014. *Asia Tenggara dalam Kurun Niaga 1450—1680 Jilid I*. Jakarta: Pustaka Obor.
- Teeuw, A. 1967. *Modern Indonesian Literature*. Dordrecht: Springer.
- Templier, M. & Paré, G. 2015. A framework for guiding and evaluating literature reviews. *Communications of the Association for Information Systems* 37(6): 112-137.

Hafidz Fadli, M.A.
International Islamic University Malaysia
Emel: hafidz.fadli@live.iium.edu.my